

1983

SIPITANG (SABAH), 28 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHU MALAYSIA DIJADIKAN SEBAGAI NEGARA ISLAM CONTOH KERANA KESEDERHANAAN DALAM PEMERINTAHAN YANG BERLANDASKAN LUNAS-LUNAS ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN INGIN MENGAMALKAN CARA PENTADBIRAN YANG ADIL, SEDERHANA DAN BERTOLERANSI YANG BOLEH DICONTOKI OLEH NEGARA LAIN.

DENGAN INI BELIAU YAKIN KEDUDUKAN ISLAM DAN PARA PENGANUTNYA BOLEH DIPERTAHANKAN DAN JUGA MENJAMIN PEMBANGUNAN NEGARA DAPAT BERJALAN DENGAN KUKUH.

+DALAM HASRAT KERAJAAN MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN, KITA TIDAK BERMAKSUD MEMANCUNG LEHER ORANG LAIN DI KHALAYAK RAMAI ATAU PERBUATAN ZALIM YANG LAIN,+ TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN MASJID HASHIM BERTHARGA \$1.5 JUTA BAGI PENDUDUK PEKAN INI.

MASJID ITU ADALAH SUMBANGAN DUA ORANG ADIK BERADIK IAITU DATUK HAJI MOHAMAD YASSIN HAJI HASHIM, SEORANG BEKAS MENTERI NEGERI SABAH, DAN DATUK HAJI KASSIM HAJI HASHIM, BEKAS SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH, SEBAGAI MEMPERINGATI AYAH MEREKA ALLAHYARHAM HAJI HASHIM YANG MERUPAKAN SEORANG IMAM TERKENAL DI DAERAH INI. -- LAGI 1848/MK

ZCZC B683

PM - ISLAM 2 SIPITANG (SABAH)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN KERAJAAN TIDAK BERNIAT MEMAKSA PENDUDUK AGAMA LAIN MENGANUT AGAMA ISLAM DALAM MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM KERANA INI SUDAH TENTU MENAKUTKAN MEREKA DAN MENYEBABKAN MEREKA BERPANDANGAN AGAMA ISLAM TIDAK ADIL.

+MALANGNYA ADA GOLONGAN TERTENTU YANG MENGANGGAP JIKALAU TELAH BERKUASA DAN TERKUAT DI NEGARA INI, MASANYA TELAH TIBA MEMAKSA ORANG LAIN MENGANUT AGAMA ISLAM DAN INI SUDAH TENTU MENAKUTKAN MEREKA DAN MEMBUAT MEREKA MENJAUHKAN DIRI DARI AGAMA ISLAM,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN KERAJAAN MEMILIH PENTADBIRAN SECARA KESEDERHANAAN DENGAN MENUNJUKAN TAULADAN DAN BUDIBAHASA BAIK UNTUK MENENTUKAN KEADAAN NEGARA YANG MEMPUNYAI PENDUDUK BERBILANG BANGSA DALAM KEADAAN AMAN DAMAI.

BELIAU MENGINGATKAN ISLAM TIDAK MENYURUH UMATNYA MEMBANGKITKAN KEADAAN KACAU BILAU DAN OLEH ITU JANGANLAH KERANA ADA SEDIKIT KUASA SESEORANG ITU BOLEH MENEKAN ORANG LAIN.

+JIKA INI DIBIARKAN, ISLAM AKAN RUGI KERANA ORANG LAIN MENGANGGAP IA SATU AGAMA YANG MENEKAN ORANG LAIN YANG LEMAH.+ -- LAGI 1854/MK

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENDUDUK DI NEGARA INI SUDAH TENTU TIDAK MAHU TERJADI SEPERTI DI NEGARA LAIN DI MANA ISLAM MENJADI AGAMA MINORITI DAN LEMAH DAN TIDAK DAPAT MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN MEREKA.

+KITA MESTI MENUNJUKKAN KEPADA DUNIA BAHAWA PENTADBIRAN NEGARA INI MENGIKUT LUNAS-LUNAS ISLAM DIMANA KESEDERHANAAN, TOLERANSI, DAN KEADILAN DIAMALKAN DAN KITA BERJAYA KERANA MENGAMALKAN SIKAP INI.+ TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA SLOGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DAN KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN MERUPAKAN NILAI-NILAI YANG SECOCOK DENGAN KEHENDAK AGAMA ISLAM DAN USAHA KERAJAAN UNTUK MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM.

BELIAU KESAL KERANA KEBALAKANGAN INI TERDAPAT BANYAK PENYELEWENGAN DALAM AJARAN ISLAM DAN TAFSIRAN SERTA PERTELENGKAHAN DALAM SOAL AGAMA DAN BELIAU BIMBANG INI AKAN MENJADIKAN ISLAM LEMAH DAN DIPENGARUHI OLEH IDEALOGI LAIN.

BELIAU MEMBIDAS GOLONGAN TERTENTU YANG MENGUKUR KEISLAMAN SESEORANG ITU DARI RUPA BENTUK DAN JUGA MEMAKSA ORANG LAIN MEMELUK AGAMA ISLAM. -- LAGI 1858/MK

PM ISLAM 4 | SIPITANG (SABAH)

TEGASNYA ISLAM TIDAK TERLETAK KEPADA RUPABENTUK TETAPI IMAN DAN TAQWA KEPADA ALLAH DAN SAMADA SESEORANG ITU LEBIH ATAU KURANG ISLAMNYA DARI ORANG LAIN HANYA TUHAN DAPAT MENENTUKAN.

DI AKHIR UPACARA, BEKAS YANG DIPERTUA NEGERI, TUN PENGIRAN HAJI AHMAD RAFFEI MENDERMA \$300,000 UNTUK MASJID PEKAN MESAPOL MANAKALA SEORANG PENIAGA, DATUK YEO KIM SENG, MENDERMA \$250,000 UNTUK MASJID SINDUMIN.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI MASJID BARU ITU SEBELUM BERTOLAK KE SEMPADAN SABAH-SARAWAK. -- BERNAMA 1900/